



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERKEMBANGAN LUKISAN KANAK-KANAK AUTISME

FAZILAH BINTI OMAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SENI)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkembangan melukis kanak-kanak autisme di sebuah sekolah kerajaan berkeperluan khas. Tahap sederhana dipilih daripada kanak-kanak autisme yang masih boleh memahami arahan tetapi memerlukan bantuan guru. Objektif kajian pula, adalah untuk mengenal pasti proses pengwujudan idea kanak-kanak autisme, menjelaskan proses pengolahan dan penghalusan idea kanak-kanak autisme serta menghuraikan penggunaan media kanak-kanak autisme dalam proses menghasilkan lukisan. Kajian ke atas tiga orang murid berkeperluan khas autisme menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bantuk kajian kesselama dua bulan di lapangan. Teori yang digunakan adalah yang berpandukan kepada model perkembangan artistik Laura H. Chapman iaitu pengwujudan idea, pengolahan idea dan kemahiran media. Dapatkan kajian menunjukkan proses perkembangan melukis kanak-kanak autisme banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti keluarga, rakan-rakan dan juga media elektronik. Hasil kajian juga mendapati hasil karya kanak autisme turut dipengaruhi oleh watak-watak yang terdapat dalam cerita yang ditonton. Bagi kanak-kanak yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang baik, lukisan mereka berkisar tentang perihal keluarga seperti ayah, ibu dan haiwan peliharaan. Namun begitu, kanak-kanak autisme ini mempunyai beberapa tahap pembelajaran dan kanak-kanak ini mampu menguasai pembelajaran jika menggunakan pendekatan yang lebih terarah dan cenderung dengan keupayaan mereka. Pendidikan Seni merupakan medium yang amat sesuai untuk kanak-kanak autisme berkarya kerana seni bukan sahaja untuk menghasilkan lukisan tetapi mereka dapat meluahkan emosi selain menggunakan kognitif dan psikomotor mereka secara menyeluruh.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

THE DEVELOPMENT OF AUTISME CHILDREN'S DRAWING

ABSTRACT

The study is conducted to identify the development of drawing children with autism in one government aided special school. An average level of instruction was chosen for the autism children whereby, there are still able to adhere to the instruction given by the teachers and with the little guidance. The objective of the research is to identify the process of idea development, refinement of the idea and elaboration of the idea by using the media among autism children in producing their drawings. The study was conducted for two months in the related field on three autistic children by using qualitative approach. The research design that was chosen in case study. The theory used in this study is based on autistic development model by Laura H Chapman. The model explains the existence of idea, development of idea and media skills. The research explained that the drawing produced among autism children is influenced by characters that they have watched and encountered. The finding also explains that the drawings of autistic children with closed-knit family background portrays pictures of their parents and favourite pets. Nevertheless, this special need children have several levels of learning abilities and are capable to master the learning if given the right approach according to their learning capability. It is undeniable that art is a suitable medium for the children with autism to work because it does not only involve drawing but also used to express emotion by collaborating both cognitive and psychomotor skills as a whole.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix



05-4506832

**SENARAI RAJAH**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN	xii
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Definisi Operasional	7
1.3 Latar Belakang Kajian	10
1.4 Pernyataan Masalah	12
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Persoalan Kajian	17
1.7 Kerangka Teoritikal	18
1.8 Kepentingan Kajian	20
1.9 Kesimpulan	21



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	23
2.2 Definisi Dan Konsep Autisme	24
2.3 Definisi Dan Konsep Lukisan	33
2.4 Autisme Dan Kemahiran Melukis	38
2.5 Teori Perkembangan Kognitif Dan Teori Minda	44
2.6 Teori Perkembangan Artistik	47
2.7 Kesimpulan	55

BAB 3 METODOLOGI



3.2 Reka Bentuk Penyelidikan	57
3.3 Instrumen Kajian	61
3.4 Sampel Dan Populasi Kajian	63
3.5 Lokasi Kajian	64
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	65
3.7 Prosedur Analisis Data	67
3.8 Kesimpulan	69





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
viii**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan	70
4.2 Analisis Karya Responden	71
4.3 Kesimpulan	86

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	91
5.2 Ringkasan Kajian	91
5.3 Rumusan Kajian	92
5.4 Cadangan Kajian	97
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	99



05-4506832



5.6 Kesimpulan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
101**RUJUKAN**

102

LAMPIRAN

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
viii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Proses Artistik Dalam Menghasilkan Lukisan	54
3.1 Proses Pengumpulan Data	65
3.2 Matrik Pengumpulan Data	66
4.1 Tahap Penjanaan Idea	87
4.2 Tahap Perkembangan dan Penghalusan Idea	88
4.3 Tahap Kemahiran Aplikasi Media	89



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Statistik Autisme Secara Umum	7
1.2 Maklumat Autisme	8
1.3 Kerangka Teoritikal Dalam Proses Perkembangan Artistik	18
2.1 Kurikulum Sekolah Rendah	35
2.2 Teknik Menggambar	36
2.3 Contoh Karya Peringkat Scribbling	50
2.4 Contoh Karya Peringkat Pseudonaturalistik	52
3.1 Triangulasi Data	68
4.1 Karya 1	71
4.2 Karya 2	73
4.3 Karya 3	75
4.4 Karya 4	77
4.5 Karya 5	79
4.6 Karya 6	81
4.7 Karya 7	82
4.8 Karya 8	84
4.9 Karya 9	85
5.1 Faktor Persekutaran yang Mempengaruhi Perkembangan Artistik Kanak-kanak Autisme	95



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xi

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Di Sekolah-sekolah Di Negeri Perak



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



05-4506832



Einstein menggambarkan bahawa seni yang terbaik lahir melalui kreativiti yang mana

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

tbupsi

di dalamnya terkandung luahan hati yang indah. Kreativiti adalah satu potensi dan kebolehan asasi yang dimiliki oleh semua manusia (Azhar, 2004). Setiap manusia di muka bumi ini ada memiliki kreativiti mereka sendiri. Oleh yang demikian, kecenderungan dan kebolehan seseorang itu berkreativiti bergantung kepada faktor diri, persekitaran dan ia mestilah sentiasa dipupuk supaya menghasilkan individu kreatif yang berkualiti (Yahaya Buntat & Noor Sharliana Mat Nasir, 2011).

Kanak-kanak mempunyai kaitan dengan keperluan pendidikan negara ke arah pembentukan individu yang seimbang dan harmoni. Hasrat ini jelas dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Negara yang menjelaskan bahawa setiap individu dalam negara ini mempunyai kepentingan yang sama dan tidak dibezakan. Perbezaan ini bermaksud, sama ada kanak-kanak normal atau yang mempunyai masalah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
2

pembelajaran, semuanya berhak untuk mendapatkan pelajaran. Menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berkenaan kanak-kanak dengan Masalah Pembelajaran yang dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan memfokuskan kepada prinsip-prinsip pendekatan bersepada, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup.

KSSR Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran adalah bersifat holistik, tidak terlalu akademik dan tidak membebankan murid. Ini selaras dengan teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2000). Bagi memenuhi keperluan individu, proses pengajaran dan pembelajaran di Program Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dibentuk secara anjal dan ini bertepatan dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan



05-4506832



(Pendidikan Khas) 1997, yang menyatakan:

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

“Guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar, bagi mencapai tujuan dan matlamat Pendidikan Khas. KSSR Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dibina supaya pembelajaran yang diperoleh didalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.” Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Kurikulum Kurikulum Standard Sekolah Rendah (selepas ini digunakan sebagai KSSR) Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran juga menyediakan pendidikan berkualiti secara optimum untuk murid bermasalah pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari, dan berjaya dalam kehidupan. Matlamat KSSR Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran digubal dengan untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh, seimbang, dan bersepada serta bersesuaian dengan tahap kefungsian murid. Perkembangan ini juga meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhhlak mulia. Pendidikan bagi murid-murid Pendidikan Khas adalah sebahagian daripada keseluruhan proses perancangan dan pelaksanaan sistem pendidikan negara. Murid-murid ini diberikan pendidikan menggunakan kurikulum yang sama dengan murid-murid normal, hanya pengubahsuaian dibuat didalam kelas



murid-murid ini mampu memperoleh pencapaian yang optimum.

Autisme adalah suatu gangguan perkembangan saraf, ditandai dengan gangguan interaksi sosial dan komunikasi, dan perilaku terbatas dan berulang. Tanda-tanda ini semuanya dimulai sebelum anak berusia tiga tahun (Razhiyah, 2008)). Menurut Power (1989) karakteristik anak dengan autisme dapat dikenal dengan enam gangguan dalam bidang:

- 1) Interaksi sosial,
- 2) Komunikasi (bahasa dan bicara),
- 3) Perilaku-emosi,
- 4) Pola bermain,





5) Gangguan sensorik dan motorik

6) Perkembangan terlambat atau tidak normal.

Autisme juga adalah suatu kondisi mengenai seseorang sejak lahir ataupun sepanjang masa pembesarnya, yang membuat dirinya tidak dapat membentuk hubungan sosial atau komunikasi yang normal. Akibatnya anak tersebut terpisah dari manusia lain dan masuk dalam dunia tersendiri, aktiviti dan minat yang obses terhadap sesuatu tanpa dapat dikesan (Baron-Cohen, 1993). Sheila & Samsilah (2006), menyatakan autisme merujuk kepada kecacatan bersosial di mana kanak-kanak yang mengalami autisme tidak mempunyai kemahiran berhubung, berkomunikasi dan bersosial dengan orang lain seperti murid normal. Emosi kanak-kanak sangat sukar diramal dan berubah-ubah. Autism adalah gangguan dalam



pertuturan, komunikasi, interaksi sosial, pemikiran perilaku emosi, pola bermain dan juga mempunyai tingkah laku yang luar biasa (Razhiyah: 2008:4). Kanak-kanak autisme mempunyai kebolehan mendengar dan melihat tetapi tidak mengikut norma-norma yang biasa kerana kadangkala mereka tidak memahami apa yang dilihat dan apa yang didengar. Mereka seolah-olah hidup dalam dunia mereka yang tersendiri. Oleh itu, masalah utama kanak-kanak autisme ialah kemahiran komunikasi.

Terdapat beberapa orang tokoh dunia yang dikaitkan dengan autisme. Antaranya ialah Albert Einstein. Einstein tidak berupaya bertutur sehingga berumur tiga tahun. Menurut teori terbaru tentang perkembangan mentalnya, beliau dianggap menghidapi Sindrom Asperger, iaitu sejenis penyakit yang berkaitan dengan autisme.





Azhar (2004) dalam bukunya, Kreativiti, Konsep, Teori dan Praktis menyatakan Albert Einstein mempunyai ciri-ciri autisme.

“Beliau sering berkhayal dan suka mengimpikan sesuatu yang luar biasa.

Beliau sering dimarahi oleh gurunya ketika di dalam kelas. Setelah dewasa beliau sering gagap ketika berhadapan dengan orang ramai untuk menjelaskan teori-teorinya”

Ciri-ciri yang ada pada Einstein ini merupakan ciri-ciri autisme. Beliau tidak mampu untuk memberi tumpuan ketika membuat sesuatu tugas yang diberi. Kanak-kanak autisme juga tidak mampu mendengar arahan yang diberi kerana mereka sentiasa dalam dunia mereka sendiri. Walaupun menghidap autisme, tidak semua penghidapnya gagal dalam hidup. Mereka bagaimanapun mempunyai keupayaan sendiri yang mampu untuk dikembangkan.

Berdasarkan kepada kegagalan kanak-kanak autisme yang tidak tahu bagaimana hendak memulakan atau melibatkan diri dalam komunikasi, mengasingkan diri, adakala agresif dalam cara yang unik perlu difahami. Sekiranya tidak dibantu atau tidak diberi rawatan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, interpersonal dan intrapersonal, ia akan menjelaskan kehidupan sosial mereka pada masa hadapan. Kanak-kanak autisme wajar didik. Keunikan corak pembelajaran mereka disebabkan oleh ketidakupayaan kognitif dalam memproses maklumat dapat diatasi dengan mengadakan program pembelajaran yang berstruktur dan menggalakkan rangsangan. Oleh yang demikian, Pendikan Seni merupakan satu mata pelajaran yang lebih terarah





kepada kemahiran manipulatif. Sehubungan itu, ia merupakan mata pelajaran yang terbaik untuk mengukur proses artistik kanak-kanak autisme.

Program pembelajaran bagi kanak-kanak autisme adalah bercorak ke arah proses menganalisis tingkah laku dan menggalakkan penggunaan pertuturan dan komunikasi. Pendidikan Seni Visual sebagai subjek yang dapat membina perkembangan sosial, emosi dan psikomotor menerusi aktiviti yang dapat membangun kemahiran manipulatif, psikomotor, kognitif, sosial dan emosi.

Imajinasi lebih berharga daripada ilmu pengetahuan. Logika akan membawa anda dari A ke B. Imajinasi akan membawa anda kemana-mana.
Albert Einstein



Walaupun dikatakan penghidap autisme, Einstein mampu merangsang pemikirannya lebih daripada biasa untuk menyelesaikan masalah. Ini membuktikan, dalam satu keadaan penghidap autisme masih boleh mencapai tahap yang luar biasa.

Flowers (1996) menjelaskan seni menggalakkan komunikasi antara kanak-kanak dan persekitaran, membangun imej diri yang positif, memberi mereka memahami hubungan ruang dan diri, membina kemahiran motor kasar ke motor halus, dan banyak lagi aspek pembangunan yang boleh mempertingkat pembangunan kanak-kanak autisme. Aktiviti seni yang dijalankan kepada kanak-kanak ini perlu dipanggil ‘pengalaman’ yang seharusnya menggembirakan kanak-kanak ini. Oleh sebab mereka berada dalam dunia mereka sendiri, maka ‘dunia’ itu akan dipecahkan menggunakan aktiviti seni iaitu menggambar. Apabila mereka mula mendapatkan






idea, mereka akan melakukan tugas tersebut secara individu dan juga berkumpulan. Secara tidak langsung, akan berlaku komunikasi antara mereka. Seterusnya, pengolahan idea. Mereka akan mengumpul maklumat, mengkategorikan maklumat serta menggunakan imaginasi untuk menghasilkan sebuah lukisan. Akhirnya kemahiran media. Kanak-kanak autisme akan menggunakan bahan dan kaedah yang betul semasa melaksanakan aktiviti seni. Disini juga, psikomotor mereka akan digunakan semasa melukis.

1.2 Definisi Operasional

1.2.1 Autisme



Rajah 1.1 Statistik Autisme secara umum.<http://vitamin-cerdik.com/2016/04/minyak-ikan-bantu-mengurangkangejala-autism.html/>





Statistik diatas menunjukkan sebanyak 17% peningkatan dalam kadar kanak-kanak autisme setiap tahun. Autisme dapat dikesan dalam diri anak-anak ketika berumur 3 tahun setengah. Kanak-kanak autisme sering mengalami ketidakupayaan komunikasi dan kekurangan intelektual yang mungkin disebabkan oleh masalah genetik dimana ia juga boleh dipanggil penyakit keturunan. Namun, kanak-kanak ini selalunya mempunyai keistimewaan dalam penglihatan, akademik dan kemahiran muzik.



APAKAH PENYEBAB AUTISMA?

- ➲ Statistik: 1 dalam setiap 150 orang kanak-kanak terlibat.
- ➲ Kanak-kanak Autisma lelaki empat kali ganda lebih banyak berbanding kanak-kanak Autisma perempuan.
- ➲ Jumlah penghidap Autisma lebih banyak daripada jumlah pesakit kanser pediatrik, kencing manis, dan AIDS digabungkan.



Rajah 1.2 Maklumat tentang autisme. Sumber <http://image.slidesharecdn.com/updatedautismaslidesforblog-090821213913-phpapp01/95/autisma-bahasa-melayu-4-728.jpg?cb=1250890822>

Menurut tulisan Emilia Gazali di dalam News Straits Times keluaran 19 Jun

2012, Datin Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Najib bin Tun Abdul Razak, yang menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua BAKTI telah menyatakan bahawa, satu daripada 600 kanak-kanak di negara ini adalah penghidap autisme. Statistik menunjukkan kini terdapat kira-kira 47,000 penduduk di negara ini yang menghidap autisme. Rosmah juga menyebut dalam sidang medianya iaitu autisme juga adalah 4 kali lebih kerap wujud pada kanak-kanak lelaki





berbanding perempuan dan dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini, jumlah kanak-kanak yang menghidap autisme telah meningkat sebanyak 30%. Rosmah juga berkata bahawa, kanak-kanak autism yang diberi pendedahan awal akan menujukkan perkembangan yang lebih sognifikan berbanding mereka yang agak lewat mendapat pendedahan intervensi, yang mana autism merujuk kepada kanak-kanak yang berusia 9 hingga 10 tahun dan mempunyai autisme tahap yang sederhana.

1.2.2 Artistik

Proses artistik merupakan satu proses yang diperlukan semasa menghasilkan sesebuah hasil seni. Perkembangan seni kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh persekitaran dan



suasana mereka dibesarkan (OUM, 2010:6). Dalam konteks ini, persekitaran memainkan peranan penting kerana persekitaran yang sihat membantu perkembangan kognitif kanak-kanak dengan cara yang positif.

Hurwitz dan Day (2001) telah merumuskan peringkat perkembangan kanak-kanak kepada tiga peringkat utama. Peringkat-peringkat ini dikenali sebagai peringkat manipulatif, peringkat membuat simbol serta peringkat pra-remaja. Namun, kajian ini berpegang kepada perkembangan artistik oleh Laura H. Chapman (1978). Beliau menjelaskan, perkembangan artistik terbahagi kepada tiga fasa iaitu penjanaan idea, pengolahan idea dan kemahiran menggunakan media atau bahan.





1.2.3 Lukisan

Menurut Mohd Zaihidee Hj. Arshad (2009), lukisan merupakan bentuk seni halus tertua sekali. Beliau menyatakan lukisan mempunyai dua cara iaitu, lukisan tanpa warna dan lukisan berwarna. Hassan Mohd Ghazali (2007) pula menyatakan lukisan ialah lorekan garisan untuk membentuk imej dengan menggunakan bahan kering. Bagi kajian ini, kanak-kanan autisme akan membuat aktiviti menggambar menggunakan media kering.

1.3 Latarbelakang Kajian



tajuk “*Seven Ways Of Knowing, Perceiving And Understanding Life*” menjelaskan bahawa dalam urusan pendidikan hari ini, sistem pendidikan adalah entiti yang menjadi penjana kecerdasan dengan menjelaskan konsep yang relevan dengan kehendak dan keperluan dunia hari ini.

Ia dirumuskan sebagai kebolehan menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan sebenar, kebolehan menjana masalah baru untuk diselesaikan, dan kebolehan membuat sesuatu atau menawarkan perkhidmatan yang bernilai dalam lingkungan sesuatu budaya. Justeru, sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem masyarakat, individu istimewa dalam konteks kajian ini kanak-kanak autisme, perlu diberi suatu ruang pendidikan yang menyeluruh bagi membangun keupayaan mereka untuk memahami, menjadi sebahagian masyarakat berdasarkan keupayaan dan





kebolehan mereka. Seni sebagai sebahagian daripada disiplin ilmu yang digagaskan dalam sistem pendidikan negara ini memberi ruang yang luas kepada insan istimewa untuk memahami dunia dengan cara yang lebih terbuka dan relevan dengan senario kehidupan mereka.

Primadi Tabrani, (2005) menjelaskan manusia belajar, berimaginasi, membaca, berkomunikasi dan sebagainya melalui proses pemahaman imej. Imej yang difahami boleh dibahagi kepada 3 bentuk iaitu pra imej, imej konkret dan imej abstrak. Manakala sumber kepada imej juga terdapat dalam 3 bentuk iaitu imej persepsi (tanggapan), imej memori (dalam fikiran) dan imej imaginasi. Tujuan pendidikan yang dijelaskan secara umum oleh ahli falsafah iaitu untuk menerapkan unsur-unsur kebaikan ke dalam diri individu mewujudkan sistem persekolahan.



Dalam konteks pendidikan, guru adalah insan yang menjadi jambatan antara ilmu baru dan ilmu sedia ada bagi murid. Dimana, corak pendidikan pada hari ini tidak lagi memberi fokus kepada apa yang guru patut ajar, tetapi juga bagaimana guru perlu mengajar serta bagaimana murid belajar. Reformasi ini adalah satu langkah bagi menjadikan pengajaran lebih efektif. Ini disebabkan masyarakat mempunyai pandangan yang jelas tentang peranan guru dan bagaimana guru menjalankan tugas mereka, tanpa mengira di mana mereka bertugas. Justeru keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran guru juga perlu merangkumi aspek-aspek pembangunan diri kanak-kanak termasuk kreativiti mereka. Pembangunan kreativiti tidak harus dilihat hanya dilihat sebagai satu komponen kecil dalam sistem pendidikan. Kesatuan ilmu dari semua aspek dapat menjadi pemangkin potensi seluruh diri individu.



1.4 Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa, komponen pendidikan seni dalam Kurikulum Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran mempunyai matlamat yang tersendiri yang menjurus kepada memenuhi keperluan individu. Komponen seni ini bertujuan untuk mencungkil dan mengembangkan bakat murid dalam bidang seni. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menegaskan, komponen ini juga bertujuan untuk meningkatkan potensi kanak-kanak supaya mereka dapat mengamalkan pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang dipelajari. Oleh yang demikian, pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni dalam program pendidikan khas bermasalah pembelajaran diharap dapat mengembangkan daya kreativiti kanak-kanak serta menggalakkan perkembangan sosial menerusi pengalaman nilai yang dipelajari oleh

mereka. Namun, apa yang mengecewakan ialah proses artistik tidak dijelaskan secara langsung didalam sukanan pelajaran.

Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan enam Komponen Pendidikan Seni Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran bertujuan untuk mengembangkan bakat semulajadi murid, perkembangan kognitif dan psikomotor, galakan untuk menghasilkan karya seni bagi menghargai keindahan alam dan warisan budaya serta menyedari peluang kerjaya dalam bidang pendidikan seni. Pendidikan Seni merangkumi perkara yang berkait dengan seni halus, komunikasi visual, reka bentuk dan kraf tradisional. Murid-murid akan dilatih untuk melihat sesuatu dengan perspektif yang lebih luas sama ada dari aspek estatik mahupun aspek gunaan.



Aspek yang diberi penekanan dalam komponen seni adalah usaha untuk mengembangkan bakat dan kreativiti murid. Antara objektif komponen seni dalam Kurikulum Pendidikan Khas ialah:

- 1) Mengembangkan bakat dan kreativiti
- 2) Menunjukkan kemahiran kognitif dan psikomotor pelajar
- 3) Menilai keindahan alam dan warisan budaya
- 4) Mengenal, membeza, dan menggunakan warna yang betul
- 5) Menghasilkan karya seni yang kreatif
- 6) Memberi peluang ke arah pengembangan diri pelajar

Kepekaan merupakan sensitiviti yang sifatnya halus. Ini membawa maksud bahawa proses artistik adalah satu fenomena individu dengan dirinya dan objek seni. Faktornya yang multi-perspektif menuntut agar fenomena ini difahami secara multi-dimensi juga. Ia melibatkan dimensi kognitif, sikap dan nilai, kemahiran atau keterampilan, teknologi, persekitaran fizikal dan sosio budaya yang mempengaruhi atau memungkinkan terhasilnya karya (Rohidi, 2000).

Seni sebagai sebahagian daripada disiplin ilmu yang digarap dalam sistem pendidikan negara bermatlamat untuk memberi ruang yang luas kepada insan istimewa memahami dunia dengan cara yang lebih terbuka dan relevan dengan senario kehidupan mereka. Pemilihan dan penentuan aktiviti seni hendaklah bersesuaian dengan murid berdasarkan kepada pengalaman yang dialami, tahap daya imaginasi mereka serta jenis peralatan dan bahan yang digunakan. Kegiatan yang menarik dan mampu mencetuskan idea melalui aktiviti seni amat digalakkan.





Kegagalan mengikuti pembelajaran secara formal walaupun dari aspek fizikal tidak berbeza daripada kanak-kanak yang normal, adakala membuat ibu bapa, guru, dan penjaga tidak dapat mengesan permasalahan kanak-kanak autisme. Kes-kes autisme yang pelbagai perlu dilihat dan diberi perhatian kerana kanak-kanak autisme mempunyai keistimewaan yang sangat luar biasa.

Kajian turut menunjukkan kanak-kanak autisme yang diberi pendedahan awal akan menunjukkan perkembangan awal yang lebih signifikan berbanding mereka yang agak lewat mendapat pendedahan.

Bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Ramsden (1987; 1988; 1991; 1992; 2003) bahawa pembelajaran merupakan satu pergerakan ke arah kebolehan



keanggunan konsep dalam sesuatu perkara dan ke arah kebolehannya untuk mengaitkan dan menggunakan apa yang seseorang itu telah pelajari di dalam bilik darjah untuk menghadapi sebarang masalah di luar bilik darjah atau dalam kehidupan sehariannya. Kanak-kanak autisme adalah sebahagian daripada manusia yang mempunyai sensitiviti sesuai dengan permasalahan yang dihadapi. Sensitiviti mereka membawa kepada perbezaan dalam perkembangan kognitif, psikomotor dan emosi secara jelas.

Justeru menerusi kajian ini, penyelidik akan meneroka dan menjelaskan persoalan tentang fenomena pembentukan gambaran visual dalam kalangan kanak-kanak autisme. Setelah memahami sebab dan akibat fenomena sedemikian berlaku secara empirikal, penyelidik akan menganalisis secara teoritik mengenai kewajaran





yang dapat dilakukan untuk memperkembangkan dan meningkatkan keupayaan artistik dalam kalangan kanak-kanak tersebut.

Sebagai salah satu aspek transformasi pendidikan dan menerusi Reformasi Plan Tindakan Pendidikan (2010), salah satu aspek penting adalah kreativiti dan inovasi. Pada hakikatnya, proses artistik merupakan satu aset yang tidak harus dipandang remeh. Proses ini dialami oleh kanak-kanak sebelum mereka menghasilkan sebuah karya. Bermula dengan proses mendapatkan idea, mengolah idea dan kemahiran menggunakan media, semuanya adalah proses yang harus dilalui dalam penciptaan sesebuah karya seni. Proses ini juga amat berkait rapat dengan kreativiti. Ini jelas terbukti dalam perlaksanaan sistem pendidikan di negara kita pada hari ini banyak memfokuskan kearah Kemahiran Berfikir Kreatif Kritis di dalam



masalah pembelajaran. Seni Visual sebagai disiplin ilmu yang sentiasa menekankan unsur kreativiti sudah nyata menjadi penanda aras bagi tuntutan perubahan ini.

Kajian ini ingin melihat perkembangan proses artistik kanak-kanak autisme. Bidang yang dipilih dikhususkan kepada menggambar iaitu salah satu daripada empat bidang yang terdapat didalam sukan pelajaran. Berlandaskan tiga fasa Laura H. Chapman, pengkaji akan dapat melihat tahap yang mana didapati sukar untuk mengembangkan kreativiti mereka.

Menurut Harris (1996) dalam kajian beliau telah menunjukkan bahawa walaupun guru dapat menghasilkan rancangan pengajaran, tetapi mereka kurang memberi perancangan terhadap cara menangani tingkah laku murid. Apabila

